

NO SOALAN : 445

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]

**SOALAN NO. 445**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) bilakah perumahan PPR Batu Putih Sandakan akan siap dan boleh diduduki; dan
- (b) berapa banyak skim PPR yang sedang dibina dan akan dibinakan di Sandakan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

**Soalan (a)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) Batu Putih, Sandakan kini telah mencapai kemajuan fizikal 99% dan dalam proses mendapatkan sokongan Sijil Layak Menduduki daripada pihak berwajib. Projek ini dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya dan mula diduduki pada penghujung tahun ini.

**Soalan (b)**

1. Di kawasan Sandakan, selain projek PPR Batu Putih (900 unit) yang sedang dalam pembinaan, terdapat 1 projek (500 unit) lagi dalam peringkat perancangan iaitu PPR Batu Putih Fasa 2.

Sekian, terima kasih.